

BENGKEL PEMANTAPAN PEGAWAI
PENYIASAT DAN PEGAWAI PENDAKWA
JABATAN ALAM SEKITAR

**Penyediaan Bahan Bukti
Di Dalam Mahkamah**



Disediakan Oleh:
ASP YONG SOUN LIAN (MCL,LLB(Hons))
PUSAT PENGAJIAN PENYIASATAN DAN PENDAKWAAN
MPDRM KL

PENGENALAN

- ◉ Barang kes boleh dibahagikan kepada -
 - ◉ i) barang kes yang dirampas oleh pihak penguatkuasa semasa melakukan siasatan kes yang dipercayai telah digunakan untuk melakukan sesuatu jenayah.
 - ◉ Contoh: Pisau, bahan api,tayar buruk, tong toksik , dadah, cek palsu dll
 - ◉ ii) barang kes yang diperolehi dari pihak tertentu bagi membantu melengkapkan siasatan sesuatu kes .
 - ◉ Contoh : gambar, laporan perubatan, laporan kimia, rajah kasar tempat kejadian, penyata akaun .

PENGENALAN

- ◉ Semua dokumen /objek yang diperlukan untuk membuktikan suatu kesalahan perlu dikemukakan sebagai bahan bukti / exhibit di mahkamah.
- ◉ Contoh exhibit dokumen - gambar & negatif, rajah kasar tempat kejadian, dokumen cetakan komputer, laporan pakar dsb.
- ◉ Contoh exhibit objek - sisa bakaran,peralatan api, wang, kereta dsb.

KEPENTINGAN BARANG KES

- ◉ Dalam sesuatu kes, barang kes kebiasaannya menjadi “subject matter” contohnya kes dadah, senjatapi, sampel makanan, peralatan palsu, kayu balak dsb namun kebanyakan kes ianya adalah keterangan sokongan contohnya alat yang digunakan dalam sesuatu kejadian, barang kes yang ditemui di tempat kejadian serta dokumen pengesahan tentang sesuatu perkara:-
- ◉ i) Menentukan kesalahan yang dilakukan
- ◉ ii) Membantu saksi mengingatkan kembali fakta
- ◉ iii) Membantu Mahkamah menilai samada seseorang saksi tersebut memberi keterangan yang benar.
- ◉ iv) Membantu membuktikan kes dengan tanpa keraguan munasabah
- ◉ v) Membantu Mahkamah membuat keputusan di akhir perbicaraan.

RANTAIAN KETERANGAN

- ◉ Keterangan pergerakan barang kes bermula dari masa disita/dikumpul sehingga dikemukakan di mahkamah.
- ◉ Masalah teknikal yang serius sering berlaku menyebabkan rantaian keterangan terputus.
- ◉ Akibat - kes dibuang



APA ITU BARANG KES?

- ◉ Merangkumi semua barang kes yang disita/dirampas oleh pegawai serbuan dan pegawai penyiasat dalam sesuatu kes.
- ◉ Kenalpasti barang kes yang relevan saja boleh diterimapakai sebagai eksibit.
- ◉ Terbahagi kepada barang kes fizikal bukan dokumen (“non-documentary physical evidence”) dan dokumen.

NON-DOCUMENTARY PHYSICAL EVIDENCE.

- ◉ Contohnya : komputer, telefon bimbit, sim kad , alat api, sisa bakaran , tayar kereta ETC
- ◉ Perlu buktikan bahawa barang kes yang dikemukakan di mahkamah adalah barang kes yang sama dirampas semasa penyitaan
- ◉ Pembuktian melalui tandaan, tandatangan pegawai sita dan tarikh pada barang kes serta pengecaman oleh pegawai sita.

DOKUMEN

- ◉ Merangkumi apa-apa jenis suratan atau dokumen termasuklah dokumen yang dikeluarkan komputer. Contohnya, sijil pendaftaran syarikat, invois dan resit yang membuktikan pembelian atau penjualan sesuatu barang, geran tanah, lesen atau apa-apa surat kebenaran bertulis di bawah mana-mana undang-undang yang membenarkan seseorang melakukan sesuatu perkara

REKOD PERGERAKAN

- Penyitaan, pergerakan dan penyimpanan setiap barang kes hendaklah menggunakan borang/resit penghantaran dan penerimaan barang kes serta daftar barang kes yang merekodkan pergerakan serta penyimpanan selamat setiap dokumen.

BAGAIMANA EXHIBIT DIPEROLEHI?

- Exhibit boleh diperolehi dari sumber-sumber berikut:
 - Di tempat kejadian sama ada di premis atau gtempat bebas/awam
 - Semasa tangkapan suspek sama ada di tubuh badan /pakaian miliki/fizikal suspek
 - Dari saksi bebas
 - Melalui “leading to discovery”

MENGHANTAR BARANG KES KE MAHKAMAH

- ◉ Menjadi tanggungjawab pegawai penyiasat untuk menentukan barang kes dikemukakan di mahkamah pada tarikh dan masa yang ditetapkan bagi tujuan perbicaraan.
- ◉ Serahkan barang kes kepada TPR / Peg. Pendakwa (Mesti ada akuan penerimaan)
- ◉ Setelah kes selesai atau ditangguhkan maka I.O hendak menghantar balik ke setor eksibit untuk disimpan dengan selamatnya.
- ◉ Jika barang-barang diterima sebagai eksibit menjadi tanggungjawab mahkamah untuk simpan.

BARANG-BARANG KES YANG LAZIMNYA DIKEMUKAKAN SEBAGAI EKSIBIT DI MAHKAMAH

- ◉ Barang kes dikemukakan untuk pemeriksaan mahkamah melalui seseorang saksi yang sedang memberi keterangan di mahkamah .
- ◉ Dokumen asal sesuatu exhibit yang diperolehi tidak boleh sama sekali dilampirkan sebagai Folio di dalam kertas siasatan . Hanya salinan di foliokan.

PENGURUSAN BARANG KES

- ◉ Pengurusan barang kes penting supaya kawalan ke atas exhibit tidak dicemari / dimanipulasi.
- ◉ Catatan yang merujuk kepada label / ditandakan / dibungkus / tandatangai , tempat simpanan, cara bagaimana barang kes dihantar untuk dianalisa / gambar diambil berhubung penemuan exhibit...
- ◉ Borang penyerahan / penerimaan barang kes.
- ◉ Resit penerimaan barang kes rasmi.

PENGEMUKAAN BARANG KES

- ◉ Sesuatu objek atau dokumen yang perlu dikemukakan sebagai barang kes di mahkamah kadang-kala perlu menjalani peringkat pengecaman terlebih dahulu dan ditanda sebagai 'ID' sebelum boleh dijadikan Exhibit dan ditanda sebagai 'P'.
- ◉ Bergantung kepada -
 - i) aturan pemanggilan saksi.
 - ii) aturan kronologi kes.

MENGEMUKAKAN BARANG KES SEBAGAI EKSIBIT DI MAHKAMAH

- ◉ Ditandakan sebagai “ID” jika dikemukakan melalui saksi yang bukan pemiliknya atau yang bukan menjumpai/ memperoleh barang kes tersebut.
- ◉ Ditandakan sebagai “P” jika dikemukakan melalui pemiliknya atau saksi yang menjumpai/ memperoleh barang kes tersebut.

MENGEMUKAKAN BARANG KES SEBAGAI EKSIBIT DI MAHKAMAH.

- ◉ Saksi perlu camkan barang kes yang dikemukakan sebagai eksibit mengikut peruntukan/prinsip undang-undang.
- ◉ Bagi dokumen - pembuat dokumen hendaklah dipanggil untuk mengemukakan dokumen dan kandungannya kecuali jika ada peruntukan yang membenarkan pembuat dokumen tidak perlu dipanggil.

SAMBUNGAN

- Jika barang kes telah diubah bentuk, komposisi atau warnanya, perubahan tersebut hendaklah diterangkan saksi. Contohnya, penandaan yang dibuat pada barang kes.
- Sebelum saksi dirujuk kepada barang kes, saksi perlu memberikan “description” barang kes tersebut dahulu. Barulah saksi boleh dirujuk barang kes tersebut untuk pengecaman. Jika barang kes terus dirujuk kepada saksi, ini terjumlah kepada soalan memimpin (“leading question”).

SAMBUNGAN

- Dokumen yang dikemukakan sebagai eksibit hendaklah dokumen asal - seksyen 64 Akta Keterangan 1950.
- Terdapat keadaan di mana salinan dokumen boleh diterimapakai sebagai eksibit - seksyen 65 & 66 Akta Keterangan 1950



CONTOH :

- Pegawai Penyiasat sampai ke tempat pembakaran dapati saspek menggunakan tayar buruk dan bahan api untuk membakar pokok sawit yang ditebang. Pegawai Penyiasat ambil bahan api untuk mengetahui jenis bahan api . Seterusnya hantar ke Jabatan Kimia. Ahli kimia pulangkan bahan api kepada I.O dan ada disealkan pada bungkusan .
- SOALAN: Siapakah perlu dipanggil dahulu ?

CHAIN OF EVIDENCE/RANTAIAN KETERANGAN

- ◉ Untuk buktikan 'chain of evidence' tidak terputus, perlukan keterangan sokongan seperti borang serah menyerah, resit penerimaan rasmi yang dikeluarkan oleh saksi.
- ◉ I.O dan DPP boleh rancang bagaimana barang kes terutamanya yang melibatkan barang kes yang besar atau dokumen yang banyak boleh dikemukakan dengan efektif di mahkamah - samada untuk kemukakan mana satu barang kes dahulu..

- ◉ Gambar barang kes boleh diperbesarkan bagi tujuan memudahkan mahkamah melihat barang kes tersebut.
- ◉ Jika dokumen boleh diwarnakan/ditandakan, buat demikian bagi tunjukkan pada mahkamah bahagian manakah yang relevan dan ingin dijelaskan oleh saksi. (Ini penting terutamanya kes-kes jenayah perdagangan yang melibatkan dokumen yang banyak seperti laporan audit.)

SIAPA BOLEH CAMKAN BARANG KES?

- ◉ Saksi- saksi yang perlu dipanggil untuk membuat pengecaman barang kes ialah saksi- saksi yang mempunyai -
 - ◉ i) pengetahuan (mangsa, pemilik, saksi awam);
 - ◉ ii) jagaan atau kawalan (ahli kimia, pegawai rampasan, pegawai penyiasat) terhadap barang kes.

SEMAKAN BARANG KES

- ◉ Jika barang kes tidak boleh dibawa ke mahkamah - semak peruntukan berhubung dengan keterangan primer dan sekunder.
- ◉ Semasa bicara/ kes untuk fakta dan hukuman - penting untuk Pegawai Penyiasat membawa barang kes ke mahkamah.
- ◉ Pastikan salinan dokumen mencukupi untuk P.O bagi tujuan rujukan oleh saksi dan mahkamah.

SEK. 90 A AKTA KETERANGAN -

- ◉ Sek. 90A(1) AK 'sesuatu dokumen yg dikeluarkan oleh komputer dalam perjalanan penggunaannya yg biasa, dokumen itu hendaklah diterima sama ada atau tidak yang mengemukakannya adalah pembuat dokumen'
- ◉ S 90 A (2) AK -
'dokumen yg telah dikeluarkan oleh komputer dalam perjalannya yang biasa boleh dikemukakan di mahkamah melalui satu perakuan yg telah ditandatangani oleh seseorang yg sama ada sebelum/selepas pengeluaran dokumen itu adalah bertanggungjawab bg pengendalian komputer tersebut

DOKUMEN YG DIHASIL OLEH KOMPUTER

- ◉ Boleh diterima sebagai keterangan jika -
 - dihasilkan oleh komputer dengan syarat :
 - (i) dalam perjalanan kegunaan biasa komputer tersebut
 - (ii) dikemukakan dengan satu sijil yang ditandatangani oleh pegawai yang bertanggungjawab dalam mengendalikan komputer tersebut (s 90A AK)
- ◉ Sijil tersebut dikemukakan melalui IO & tidak perlu memanggil pegawai yg menyediakannya.
- ◉ Bagaimana jika tiada sijil di bwh S 90A AK?

**CERTIFICATE
UNDER SECTION 90(A) EVIDENCE ACT 1950**

I, ASP YONG SOUN LIAN G/12627 of Royal Malaysia Police do Solemnly and Sincerely state that I am Recording Officer of Child Protection Unit (CPU), Royal Malaysia Police Bukit Aman. I am also the person responsible for the preparation transcript in Mandarin and Bahasa Malaysia of the video recording for witness of Jelutong report : 1234/2018 attached here which was produced by the recording system in the course of its ordinary use.

Dated :

Signed :

.....
**(YONG SOUN LIAN)ASP
JABATAN SIASATAN JENAYAH (D9)
IBU PEJABAT POLIS KONTINJEN MELAKA**

CONTOH SOALAN PENGECEAMAN (GAMBAR)

- ⦿ Soalan Pendakwa kepada pengadu / mangsa -
- ⦿ S: Pada 7/7/2018 adakah kamu tunjukkan tempat kejadian pegawai penyiasat Jabatan Alam Sekitar ?
- ⦿ J: Ya, ada.
- ⦿ S: Di mana tempat kejadian?
- ⦿ J: Di tepi jalan besar selepas plaza tol Simpang Ampat.
- ⦿ S: Apakah yang berlaku di tempat kejadian?
- ⦿ J: Saya telah tunjukkan tempat saya bakar pokok getah dan pegawai penyiasat telah ambil gambar tempat tersebut. Kalau tak silap saya ada 4 keping gambar.
- ⦿ S: Boleh kamu camkan gambar tempat tersebut?
- ⦿ J: Ya, boleh.
- ⦿ (Pendakwa : Mohon 4 keping gambar tempat kejadian ditunjuk kepada saksi)
- ⦿ S: Adakah ini gambar tempat tersebut?
- ⦿ J: Ya.
- ⦿ (Yang Arif, gambar dicamkan dan pohon dikemukakan sebagai ID)

PEMANGGILAN JURUGAMBAR /I.O

Jurugambar perlu dipanggil bagi membolehkan gambar 'ID' dijadikan 'P'. S: Pada 7/7/2018 adakah saspek bawa kamu ke tempat kejadian?

- J: Ya.
- S: Di mana tempat kejadian tersebut?
- J: Di tepi jalan besar selepas plaza tol Simpang Ampat.
- S: Apakah yang kamu lakukan di tempat kejadian?
- J: Saya telah ditunjukkan tempat bakar pokok getah lalu saya ambil gambar tempat tersebut sebanyak 4 keping.
- S: Boleh kamu camkan gambar yang kamu ambil?
- J: Ya, boleh.
- S: (Gambar yang telah ditanda ID dirujuk) Adakah ini gambar yang kamu ambil?
- J: Ya.
- S: Di mana negatif untuk gambar ini?
- J: (Saksi kemukakan negatif). Ini negatifnya.
- Pendakwa: Mohon 'ID' dijadikan 'P' termasuk negatif.



Tapak Pembakaran Kebun ====Gambar diambil ????????

